

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGILAPAN [8] SOALANDI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan. Pilih SATU [1] soalan dari setiap bahagian dan soalan ke-4 daripada mana-mana bahagian.

Bahagian I:

1. Nilaikan pendapat R.G. Collingwood bahawa sejarah adalah bersifat penyelidikan dan kajian tindakan manusia.
2. Apakah masalah-masalah yang akan timbul jika seseorang ahli sejarah memperturunkan pengadilan moral dalam penulisan sejarah?

Bahagian II:

3. "Walaupun Sejarah Melayu adalah bersifat sastera-sejarah tetapi karya itu tetap boleh dianggap sebagai sumber sejarah bagi kajian Melaka Lama." Nilaikan pernyataan tersebut.
4. Bincangkan Undang-Undang Melaka sebagai asas untuk mengkaji pemikiran golongan raja dan pembesar Melayu dan sistem jenayah dan hukuman di Melaka Lama.
5. "Dalam penulisan Tuhfat al-Nafis, Raja Ahmad dan Raja Ali Haji masih terus membentenggukan diri dengan alam penulisan sejarah tradisional." Bahaskan.

...2/

**Bahagian III:**

6. Sejauhmanakah anda bersetuju istilah "Pemberontakan Cina" sesuai bagi menerangkan peristiwa-peristiwa di Sarawak pada bulan Februari 1857.
7. Pada pendapat anda, apakah yang mendesak W.T. Chapman, selaku Setiausaha Hal-Ehwal Orang Cina, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, mengeluarkan "Memorandum on Sly Prostitution in Kuala Lumpur and other large Towns of the Federated Malay States"?
8. "Kepentingan-kepentingan ekonomi dan bukan unsur-unsur politik meletakkan tapak pengasasan Syarikat Berpiagam Borneo Utara dan seterusnya kepada pendudukan Borneo Utara pada tahun 1881." Bincangkan.

--oo000oo--